

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS APRESIASI MYGIFT
DAN JAWATANKUASA PELAKSANA AUDIT KESEDIAAN AUTONOMI UMP
PADA HARI RABU, 20 JULAI 2016, PUKUL 11:00 PAGI
DI ANCASA ROYALE HOTEL, PEKAN**

SALUTASI

Saudara pengacara majlis;

Rakan-rakan saya:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail,
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti);

Profesor Dr. Zulkefli Yaacob,

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat);

Encik Abd Hamid Majid,

Pendaftar;

Encik Zainuddin Othman,

Bendahari;

Haji Ruslan Che Pee,

Ketua Pustakawan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah,

dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Warga kerja UMP yang dikasihi sekalian;

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera

dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, suka saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam Majlis Apresiasi MyGift dan Jawatankuasa Pelaksana Audit Kesediaan Autonomi UMP pada hari ini.
2. Sesungguhnya, acara ini merupakan manifestasi keseriusan kita di UMP untuk menghargai komitmen dan sumbangan yang telah diberikan oleh pelbagai Pusat Tanggungjawab dan para warga kerja dari pelbagai peringkat dalam menjayakan dua agenda perdana iaitu inisiatif Mygift dan penarafan autonomi untuk UMP.
3. Dari aspek sifat dan pengisiannya, majlis ini tidaklah bertujuan menjadi perayaan kemenangan, sebaliknya merupakan satu platform galakan kepada Pusat-pusat Tanggungjawab dan warga kerja kita untuk terus meningkatkan produktiviti, kualiti kerja, keikhlasan sumbangan dan kecemerlangan perkhidmatan dalam konteks semangat inisiatif Mygift dan status autonomi yang mendasari kewujudan UMP kini.

CABARAN INISIATIF MYGIFT

4. Tuan-tuan dan puan-puan,

Tatkala saya mengupas Amanat Tahunan 2015 yang bertajuk “Berani Berbeza, Memaknakan Autonomi” lebih setahun yang lalu, saya telah menyentuh mengenai satu keperluan yang mendesak bagi Universiti ini mendakap pendekatan kreatif dan inovatif di luar kelaziman sebagai kunci kelestarian budaya prestasi tinggi. Ini akan membolehkan UMP terus berevolusi secara dinamik dan konsisten menurut koordinat strategiknya.

5. Justeru, pendekatan kreatif dan inovatif di luar kelaziman tersebut telah diaplikasikan untuk menggarap Pelan Strategik 2011-2015 dan Pelan Strategik 2016-2020 di mana Kelestarian Kewangan merupakan salah satu Bidang Keberhasilan Utama Universiti dan Lonjakan Strategik yang kritikal untuk UMP.

6. Atas kesedaran tersebut dan realiti pembiayaan geran kerajaan terhadap operasi Universiti ini secara umum, maka pihak pengurusan melihat bahawa sumber-sumber kewangan dan kekayaan baharu perlu diteroka sendiri oleh UMP bagi manfaat kelestariannya dalam tempoh jangka panjang.
7. Dalam konteks sektor pendidikan tinggi global, endowmen sejak sekian lama merupakan satu bentuk dana kewangan dan rizab aset yang diagregasikan sesebuah universiti untuk menyokong dan membiayai misi pendidikannya secara konsisten daripada sumber-sumber yang diperolehi daripada penyumbang individu dan korporat.
8. Dengan strategi promosi dan advokasi yang proaktif serta insentif nilai yang atraktif kepada kelompok penyumbang, endowmen berupaya menjana dana kewangan dan rizab aset yang amat signifikan kepada sesebuah universiti. Daripada 22 universiti terkaya di Amerika Syarikat yang disenaraikan oleh majalah *Forbes* pada tahun 2014, tiga daripadanya iaitu Harvard, Yale dan Texas System memiliki nilai endowmen melebihi AS\$ 20 bilion. Harvard menduduki tempat teratas dengan nilai endowmen AS\$ 32.33 bilion.

9. Walaupun kita sedar bahawa perjalanan untuk mencapai nilai endowmen sedemikian tidaklah mampu direalisasikan dalam tempoh yang singkat, namun satu platform yang ampuh bagi maksud tersebut perlulah diletakkan lebih awal tatkala Universiti ini masih berada dalam fasa perkembangannya. Maka itulah pada tahun 2015, pihak pengurusan UMP telah memulakan inisiatif MyGift secara rasmi.

10. Realiti ekonomi semasa dan komitmen kewangan Kerajaan Persekutuan serta status autonomi yang dimiliki UMP kini telah turut mencabar untuk mendakap inisiatif Mygift sebagai nadi pertumbuhan endowmen secara proaktif. Malah pihak Kementerian Pendidikan Tinggi turut meminta semua Universiti Awam untuk meneroka prospek endowmen seoptimum mungkin bagi mengurangkan kebergantungan kewangan mereka kepada sumber Kerajaan Persekutuan semata-mata.

11. Suka saya menyatakan di sini bahawa kita berhasrat untuk memastikan bahawa inisiatif Mygift harus juga lestari dalam kerangka strategik yang terancang dan terarah. Untuk itu, kita telah menentukan bahawa usaha yang proaktif perlu dilakukan untuk mengumpulkan sumbangan daripada pelbagai sumber untuk dimanfaatkan oleh Universiti ini bagi tujuan tajaan pengajian dan peningkatan fasiliti dan kualiti akademik di UMP.

12. Dengan sembilan bentuk tabung endowmen yang telah diwujudkan, cabaran kepada kita ialah untuk mencari para dermawan dari kalangan orang perseorangan, agensi awam dan badan korporat untuk tampil menghulurkan sumbangan.

13. Satu daripada tabung tersebut ialah Endowmen Biasiswa Pelajar dan pihak pengurusan amat menghargai komitmen yang telah diperlihatkan oleh Pusat-pusat Tanggungjawab untuk memudahcara penyaluran sumbangan kepada endowmen ini bagi manfaat mahasiswa UMP yang menghadapi masalah kewangan yang tulen.

14. Bagi maksud tersebut, buat pertama kalinya Lembaga Pemegang Amanah MyGift telah bersetuju meluluskan skim tajaan biasiswa untuk mahasiswa baharu yang akan mendaftar bagi Sesi Akademik 2016/2017 pada 28 Ogos 2016 yang akan datang. Biasiswa ini akan diberikan kepada 10 mahasiswa yang mempunyai latar belakang keluarga yang miskin tetapi memiliki keputusan yang cemerlang untuk meneruskan pengajian di UMP.

15. Melalui inisiatif MyGift juga, satu skim bantuan insentif pendidikan bernilai RM 1,000 juga telah diluluskan untuk manfaat para mahasiswa baharu yang menghadapi masalah kewangan. Bantuan ini, yang akan disaring di peringkat Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni bertujuan membolehkan para mahasiswa baharu yang mempunyai masalah kewangan yang mendesak menyediakan keperluan-keperluan berkaitan bagi memulakan pengajian di sini.

16. Langkah-langkah yang disebutkan sebentar tadi merupakan sebahagian daripada pelbagai aktiviti lain seperti Ifthar Jama'ie di kedua-dua kampus UMP yang melibatkan pembiayaan Tabung Ramadhan MyGift berjumlah RM 91,000 sepanjang bulan Ramadhan tahun 1437 Hijrah baru-baru ini.

17. Dengan sinergi semua pihak yang ada di UMP dan komitmen sebanyak mungkin dermawan yang mampu kita capai, saya yakin bahawa program lain yang telah dimulakan sebelum ini seperti Kongsi Rezeki, *Food For All*, kupon makanan, pengagihan zakat dapat terus dilestarikan. Malah, sekiranya dana dan rizab Mygift ini mengizinkan, lebih banyak lagi program, inisiatif dan aktiviti dapat digerakkan bagi manfaat mereka yang memerlukan.

CABARAN STATUS AUTONOMI

18. Tuan-tuan dan puan-puan,

Kejayaan UMP menerima penarafan autonomi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi berkuatkuasa 11 Ogos 2015 merupakan hasil sinergi yang proaktif dalam kalangan warga kerja kita dari pelbagai PTJ.

19. Sejak saya memberi bayangan mengenai kemungkinan penganugerahan autonomi tersebut dalam Amanat Tahunan 2013 yang berjudul “Menuju Kecemerlangan, Kembali Kepada Asas”, strategi telah dirangka dan langkah telah diambil untuk menetapkan kesediaan dan kesiap-siagaan UMP bagi tujuan tersebut.

20. Saya amat sukacita kerana semua PTJ dan personel yang dilibatkan dalam Jawatankuasa Pelaksana Audit Kesediaan Autonomi telah memberikan komitmen yang cemerlang sejak awal lagi sehingga membolehkan UMP memperoleh skor yang diperlukan bagi keempat-empat bidang autonomi tersebut iaitu Tadbir Urus Institusi, Kewangan, Sumber Manusia dan Akademik.

21. Saya melihat bahawa cabaran kepada kita kini ialah untuk memaknakan autonomi tersebut dalam konteks dan erti kata yang sebenarnya. Ini tidak hanya merujuk kepada fizikal UMP itu sebagai sebuah organisasi, tetapi lebih utama lagi, anjakan paradigma, transformasi pemikiran dan transisi sikap dalam kalangan warga kerja Universiti ini.

22. Dengan penarafan autonomi tersebut juga, perspektif kita dalam pengurusan, pentadbiran dan pengoperasian Universiti ini perlu turut disesuaikan dengan konteks pengisian misi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang kini berada dalam fasa pelaksanaan.
23. Kedua-dua agenda strategik tersebut menuntut daya inovasi dan kreativiti yang tinggi dalam kalangan warga kerja kita untuk menyerlahkan keupayaan UMP untuk muncul unik dan luar biasa dalam kelompoknya sebagai sebuah universiti yang berautonomi. Kita harus percaya bahawa *dare to be different today allows us to become extraordinary tomorrow*.
24. Pada hemat saya, tuntutan tersebut perlu turut dilihat dari sudut keupayaan warga kerja dan semua PTJ di UMP untuk memperihalkan motto *Engineering, Technology, Creativity* pada logo Universiti ini dalam erti kata yang sebenarnya dalam konteks operasi strategik kita.

KATA PENUTUP

25. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya dengan sukacitanya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua PTJ dan personel yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang dan sumbangan bermakna dalam menjayakan inisiatif MyGift dan penarafan autonomi untuk Universiti ini.

26. Mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmateliharaan-Nya kepada kita semua dengan naungan kekuatan, kesejahteraan, kesabaran dan kecemerlangan untuk memacu Universiti ini ke arah kegemilangan, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.